

15/10/1997

MDC terbit risalah mengenai MSC

Husain Jahit

MULTIMEDIA Development Corporation (MDC) akan mengeluarkan beberapa siri risalah untuk diedarkan kepada orang ramai bagi menyedarkan dan pemahaman mengenai konsep multimedia, penggunaan aplikasi, kesan dan faedah serta kepentingan Koridor Raya Multimedia (MSC) terhadap pembangunan ekonomi Malaysia.

Menurut Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Datuk Dr Othman Yeop Abdullah, risalah seperti itu adalah perlu untuk meneruskan matlamat Koridor Raya Multimedia (MSC) dan memastikan bahawa projek itu benar-benar difahami dan mendapat sokongan daripada seluruh masyarakat termasuk ahli perniagaan dan ahli akademik.

Risalah pertama akan menumpukan kepada skop dan pendekatan terhadap MSC. Ia disasarkan kepada pembaca umum dan memberikan gambaran terhadap subjek yang diketengahkan.

Dengan tajuk "The Multimedia Super Corridor and You", akan diterbitkan dalam empat bahasa, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil.

Lebih 5,000 naskhah bagi setiap bahasa akan diedarkan ke institusi pendidikan, perpustakaan, agensi kerajaan, pusat perhimpunan masyarakat dan pelbagai persatuan awam.

Projek yang ditaja oleh oleh AIMS Worldwide Sdn Bhd, Ericsson dan Alam Teknokrat Sdn Bhd akan memulakan versi Bahasa Melayu akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena dengan Kempen Kesedaran IT Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Penerangan.

Tan Sri Othman mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ketiga-tiga penaja dalam sokongan mereka di dalam pengeluaran risalah sambil menyeru kepada lain-lain organisasi untuk tampil memberi sokongan sekali gus terbabit dalam projek seumpama ini.

"Dalam usaha menyedarkan masyarakat mengenai projek seperti ini, MDC sedang membangunkan dan mengeluarkan beberapa bahan berkaitan seperti risalah itu dengan kandungan yang berkaitan."

"Walau bagaimanapun, melaluinya masih terdapat peluang kerjasama dari syarikat yang ingin mengambil bahagian dalam usaha mempromosi dan menyokong projek kebangsaan. Mereka dialu-alukan untuk berkongsi kos pengeluaran atau menyumbang di dalam pembangunan isi kandungan risalah itu," tambahnya.

(END)